

# Pembangunan kena ambil kira perubahan iklim - PM

UM - 16/12/2021 m/s, 3

**PETALING JAYA:** Majlis Air Negara (MAN) menyarankan tindakan segera diambil dalam perancangan pembangunan negara dengan mengambil kira faktor kesan perubahan iklim yang berlaku ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, tindakan itu perlu bagi mengelakkan peningkatan kerosakan harta-benda dan kehilangan nyawa.

Menurut beliau, antara langkah dipertimbang ialah pewar-taan rizab tanah kerajaan untuk pengekalan kolam takungan banjir dan rizab sungai.

Katanya, cadangan tersebut bertujuan memastikan pengekalan fungsi kolam takungan banjir dan rizab sungai, menjamin kualiti sumber air bersih dan memulihara alam sekitar," kata beliau dalam



**Inisiatif air pulih guna ini bertujuan mengoptimumkan sumber air sedia ada dan menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar."**

**ISMAIL SABRI YAAKOB**

kenyataan semalam.

Terdahulu Perdana Menteri mempengerusikan Mesyuarat Ketiba Majlis Air Negara (MAN) 2021 secara maya yang turut dihadiri Menteri Kabinet,

Menteri Besar dan ketua-ketua agensi berkaitan.

Selain itu, menurut beliau, kerajaan bercadang mewujudkan aras lindung selamat reka bentuk infrastruktur pantai akibat kesan perubahan iklim dan kenaikan aras laut.

Ismail Sabri memberitahu, fenomena perubahan iklim dan kenaikan aras laut yang sedang dan akan terus berlaku bakal menyebabkan kejadian seperti banjir, musim kering, kenaikan aras laut dan ribut sehingga berisiko menyebabkan bencana kawasan pesisir pantai.

"Justeru, tindakan dan adaptasi aras lindung pantai bagi jangka pendek, sederhana dan panjang melalui kaedah struktur atau penyelesaian berasaskan alam semula jadi perlu mengambil kira faktor perubahan iklim

dan kenaikan aras laut," katanya.

Seterusnya, beliau berkata, kerjasama dan pelaksanaan inisiatif air pulih guna antara Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dengan syarikat operator air negeri juga akan diwujudkan.

"Inisiatif air pulih guna ini bertujuan mengoptimumkan sumber air negara sedia ada dan menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar melalui konsep Ekonomi Kitaran (Circular Economy) dalam menguruskannya sumber air negara.

"Penyediaan sumber air baharu untuk kegunaan industri bukan makanan adalah salah satu strategi kerajaan sebagai langkah pemuliharaan dan pemuliharaan sumber air selain peluang mewujudkan sumber pendapatan tambahan syarikat operator air," ujarnya.